

RESEARCH ARTICLE

PEMBAHAGIAN WAKTU SOLAT MENURUT KITAB AL-IQNA' FI HALAL-ALFAZ ABI SHUJA'

(Categories of Prayers Time According to the Book of Al-Iqna' Fi Hal al-Alfaz Abi Shuja')

Mohd Zahid Ridzuan bin Mohd Zulkifly^{1*}, Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham², Mansor bin Sulaiman²

¹Foundation Studies, International Islamic University Malaysia, 26300 Pahang, Malaysia

²Centre for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, 26300 Pahang, Malaysia

ABSTRACT - In discussing the time's aspect of fardu prayer, the time is usually divided into two categories: "the beginning of time" and "the end of time". However, according to the discussion in Shafie's sect, several other time categories have been discussed in more detail. The adaptation of old manuscripts to the modern world would raise some confusion, especially in the operational definition of each category of prayer. To some extent, Muslims may misunderstand the details of the additional categories of prayer times. This study was conducted using a qualitative approach and thematic text study. The researcher conducted text research by choosing the Kitab al-Iqna' Fi Hal al-Alfaz Abi Shuja' written by al-Khatib al-Sharbini, which is the main reference of the Shafii sect. The researchers found several other categories of prayer times in the Shafie's sect, which have not yet been introduced in the context of modern mathematics. There are seven categories of time categories stated in the book, namely the time of fadhilah, the time of ikhtiar (endeavour), the time of jawaz, the time of uzur, the time of haram, the time of darurah and the time of makruh. The book also provides guidelines by using the position of the sun and the nature of light in the sky in making the categories of prayer times. Four out of the seven categories stated are the categories of prayer times within the five types of fardu prayers. The remaining three categories are characteristic of the time of prayer if the prayer is performed within those three times. Based on these findings, a follow-up study was proposed to help with astrometric calculations of all four categories of prayer time and subsequently included them in the prayer time calendar. This will make it easier for communities to monitor their prayer times and then achieve the aspirations of the UN Sustainable Development Goals (SDGs) by achieving SDG 3 goals, namely good health and well-being by performing prayers at the best time.

ABSTRAK - Dalam perbincangan waktu solat fardu, umum membahagikannya kepada dua kategori iaitu "awal waktu" dan "akhir waktu". Namun demikian, dalam perbincangan fiqh Mazhab Shafie, terdapat beberapa kategori waktu lain yang dibincangkan secara lebih terperinci. Pembacaan karya lama untuk diadaptasi dalam dunia moden menimbulkan sedikit kekeliruan khususnya daripada aspek definisi operasi setiap kategori solat berkenaan. Sedikit sebanyak, umat Islam keliru dalam memahami pembetulan waktu solat tambahan berkenaan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kajian teks tematik. Pengkaji membuat penelitian teks dengan memilih kitab al-Iqna' Fi Hal al-Alfaz Abi Shuja' yang ditulis oleh al-Khatib al-Syarbini yang merupakan rujukan utama mazhab Shafie. Pengkaji mendapati terdapat beberapa lagi waktu solat dalam mazhab Shafie yang dalam konteks hisab moden, masih belum diperkenalkan. Terdapat tujuh kategori pembahagian waktu yang dinyatakan di dalam kitab tersebut iaitu waktu fadhilah, waktu ikhtiar, waktu jawaz, waktu uzur, waktu haram, waktu darurah dan waktu makruh. Kitab tersebut ada juga memberi garis panduan dengan menggunakan kedudukan matahari dan sifat cahaya di langit dalam membuat pembahagian waktu solat tersebut. Empat daripada tujuh kategori yang dinyatakan merupakan pembahagian waktu solat yang terdapat di dalam setiap lima jenis solat fardu dan tiga kategori selebihnya, merupakan sifat ke waktu solat sekiranya solat dilakukan di dalam tiga waktu tersebut. Berdasarkan dapatan ini, dicadangkan kajian susulan yang membantu kiraan astrometri terhadap kesemua empat kategori pembahagian waktu solat tersebut dan seterusnya memasukkannya ke dalam takwim waktu solat. Ini akan memudahkan masyarakat untuk mengawasi waktu solat mereka seterusnya mencapai aspirasi Matlamat Pembangunan Lestari PBB (SDG) dengan mencapai matlamat SDG 3, iaitu kesihatan yang baik dan kesejahteraan dengan melaksanakan solat pada waktu terbaik.

ARTICLE HISTORY

Received : 07th April 2024

Revised : 21st July 2024

Accepted : 13th Nov. 2024

Published : 29th Nov. 2024

KEYWORDS

Prayers time

Afdal time

Categories of prayers time

al-Syarbini

KATA KUNCI

Waktu solat

Waktu afdal

Kategori waktu solat

al-Syarbini

*CORRESPONDING AUTHOR | Mohd Zahid Ridzuan Mohd Zulkifly | ✉ mohdzahid@ium.edu.my

© 2024 The Author(s). Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Publishing. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 International license

PENDAHULUAN

Kitab al-Iqna' merupakan kitab syarah bagi kitab Matan Abu Shuja yang merupakan rujukan utama bagi mazhab Shafie yang ditulis oleh Imam Khatib Al-Syarbini. Imam Khatib Al-Syarbini atau nama sebenar beliau Muhammad bin Ahmad al-Syarbini dilahirkan di Kaherah, Mesir pada tahun 916 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 977 Hijrah. Penulisan kitab al-Iqna' bertitik tolak daripada permintaan kawan-kawan dan juga murid-murid bagi merungkai hujah-hujah yang sukar difahami dan samar di dalam kitab Matan Abu Shuja. Kitab Matan Abu Shuja merupakan antara kitab rujukan utama mazhab Shafie yang ditulis oleh Imam Abu Shuja Ahmad bin Husain bin Ahmad' Al-Isfahani. Penulisan kitab al-Iqna' ini juga disertakan dengan fawaid fihiyyah (penjelasan usul fiqh) dan juga pembahasan soal-soal fiqh semasa sebagaimana yang ditulis oleh Imam Al-Syarbini di dalam kitab syarah At-Tanbih. Kitab Iqna selesai ditulis pada tahun 972 Hijrah. (Mukhamad Rohma Rozikin: 2018M: 12)

PERNYATAAN MASALAH

Solat merupakan ibadah wajib yang juga merupakan rukun Islam yang kedua yang tertakluk kepada penetapan masa tertentu. Menurut hadis riwayat Bukhari, apabila Nabi SAW ditanya apakah amalan yang paling dicintai Allah, baginda menjawab, solat tepat pada waktunya. Hadis tersebut menekankan kepentingan penjagaan solat. Dengan menjaga ibadah solat, masyarakat terutamanya pelajar akan dapat membentuk sahsiah diri yang murni (Mohd Khusyairie Marzuki: 2018M:13). Para ulama mempunyai perbezaan pendapat di antara keutamaan solat sendirian di awal waktu atau solat berjemaah tetapi lewat. Imam al-Rauyani menyatakan di dalam mazhab Shafie sendiri terdapat dua pendapat di mana ada pendapat yang mensuatkan melewatkan solat untuk mendapat pahala berjemaah, manakala ada pendapat yang mengutamakan solat sendirian pada awal waktu. Ada juga terdapat ulama meletakkan syarat yang mana jika diyakini akan dapat berjemaah, maka lebih utama melewatkan solat, namun jika diyakini tidak sempat untuk berjemaah, maka lebih baik solat pada awal waktu secara sendirian (Luqman Tarmizi: 2020M: 11). Umat Islam digalakkan untuk mendirikan solat pada awal waktu kerana terdapat banyak manfaat yang boleh diperolehi. Antaranya ialah dapat melepaskan diri dari azab api neraka dan terhindar dari menjadi seorang munafik, mendapat perlindungan dari Allah pada hari Kiamat, dinaikkan darjat di sisi Allah SWT, diampunkan dosa, mendapat jaminan syurga, disediakan hidangan di syurga, mendapat cahaya pada hari kiamat dan pahala seperti menunaikan haji (Siti Nur Baiin Che Harun:2020M:15).

Gaya hidup masa kini yang sibuk di samping ramai yang tidak mampu bekerja sendiri memberikan cabaran kepada masyarakat Muslim khususnya untuk konsisten solat berjemaah dan pada awal waktu sejurus azan berkumandang. Ulama terdahulu telah mengkaji dan seterusnya mengklasifikasikan beberapa kategori waktu solat. Dengan memahami kategori waktu solat tersebut, umat Islam dapat menyusun masa dengan lebih efisien di samping menjalankan ibadah solat dengan cara terbaik. Ini kerana majoriti umat Islam terpaksa menanggung sedikit solat kerana sibuk dengan tuntutan kerja mereka. Waktu afdal solat bukan hanya sejurus selepas azan, tetapi ia merupakan pada julat masa tertentu. Terdapat beberapa hadis yang menerangkan perihal waktu afdal solat, namun kesemua hadis tersebut menerangkan waktu afdal solat secara kualitatif, dengan menggunakan sifat langit atau bayang untuk menetapkan masa tersebut. Ini memberi cabaran kepada umat Islam kerana pada masa kini, umat Islam secara majoriti bergantung kepada sistem 24 jam dalam menentukan waktu solat. Selain itu, kebanyakan umat Islam berpandangan waktu solat hanya membabitkan waktu mula dan waktu tamat sahaja. Akan tetapi pengkaji mendapati bahawa Mazhab Shafie telah mengklasifikasikan beberapa kategori lain dalam wacana waktu solat, yang sebahagiannya masih belum diperincikan. Maka kajian ini memfokuskan kepada analisis kategori waktu solat lain yang dinyatakan dalam al-Iqna'.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian teks tematik. Kajian tematik merupakan kaedah yang dibangunkan oleh ahli falsafah, Gerald Holton yang menulis "themata" di dalam penulis beliau berkisar pemikiran sains. (Gerald Holton: 1075M:10). Menurut Creswell, analisis data tematik, boleh didapati dari pengumpulan data dari pelbagai sumber dokumen, rekod arkib, temu bual dan pemerhatian artifak. Kaedah tersebut dijalankan melalui metodologi kajian kes secara kualitatif. (John Ward Creswell:2018M:8). Penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah kajian kes sangat bersesuaian dengan penyelidikan ilmu falak. Ini kerana kajian kes merupakan satu pemeriksaan terperinci terhadap sesuatu isu, masalah dan amalan berkaitan individu atau kelompok, dokumen, satu peristiwa atau rekod-rekod sejarah. Data kajian boleh didapati dari individu, dokumen, peristiwa dan rekod-rekod sejarah dan ianya dipanggil kajian kes pensejarahan (Baharrudin: 2006M: 18).

Di dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kitab al-Iqna' 'Fi Hal al-Alfaz Abi Shuja' yang ditulis oleh al-Khatib al-Syarbini dan diterjemah ke dalam Bahasa Melayu. Pengkaji memfokuskan bab solat yang terdapat di dalam jilid satu di dalam kitab terjemahan tersebut. Terdapat 13 muka surat di dalam kitab al-Iqna' menjelaskan secara terperinci perihal waktu solat, dari segi syarat masuk waktu solat hingga pembahagian waktu untuk setiap waktu solat di dalam bab solat. Pengkaji memfokuskan kepada pembahagian waktu dan juga kriteria masa mula dan akhir setiap pembahagian waktu yang ada pada setiap waktu solat. Pengkaji juga membuat rujukan silang dengan menggunakan kitab Sabilal Muhtadin karangan Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari, sekiranya terdapat ayat-ayat yang sukar difahami di dalam kitab al-Iqna'.

DAPATAN KAJIAN

Sumber Hukum

Kriteria waktu solat diambil berdasarkan sabda Nabi SAW

“Jibril mengimami aku di sisi Kaabah sebanyak dua kali. Jibril solat Zuhur dengan ku ketika matahari tergelincir dan bayangan itu sekira-kira berjalannya sandal. Dan solat Asar ketika bayangan sesuatu sama dengan sesuatu itu. Dan solat Maghrib ketika orang puasa tiba saatnya berbuka. Dan solat Isyak ketika mega hilang. Dan solat Subuh ketika makanan dan minuman diharamkan ke atas orang yang berpuasa. Ketika tiba esok, Jibril solat Zuhur dengan ku ketika bayangan sesuatu sama dengannya. Dan solat Asar ketika bayangan sesuatu sama dengan dua kalinya. Dan solat Maghrib ketika orang berpuasa berbuka. Dan Isyak sampai sepertiga malam. Dan solat Subuh, lalu hari terang. Jibril berkata: “Ini waktu para Nabi sebelum kamu. Dan waktu mu adalah antara dua ini” (Sunan Abi Dawud, Hadis Nombor 393)

Hadis panjang di atas digunakan sebagai rujukan utama dalam menentukan waktu solat. Pembahagian waktu solat bagi setiap waktu solat boleh dibahagikan kepada lapan jenis waktu iaitu:

- 1) Waktu fadhilah
- 2) Waktu jawaz
- 3) Waktu ikhtiar
- 4) Waktu uzur
- 5) Waktu haram
- 6) Waktu darurah
- 7) Waktu makruh
- 8) Waktu qada

Waktu Fadhilah

Waktu fadhilah merupakan waktu terbaik untuk mendirikan solat. Waktu fadhilah sentiasa bermula dari masuknya waktu solat bagi kelima-lima waktu solat. Namun akhir waktu fadhilah hanya disebut bagi beberapa waktu solat. Bagi waktu Zuhur, waktu fadhilah berakhir apabila bayangan sesuatu sama dengan $\frac{1}{4}$ daripada panjang asal objek dicampurkan panjang istiwa. Panjang istiwa merupakan panjang paling pendek ketika matahari berada pada zenit iaitu di atas kepala (Baharrudin, 2003). Bagi waktu Asar pula, tiada disebut di dalam kitab al-Iqna', akhir waktu fadhilah Asar. Bagi solat Maghrib, imam Al-Syarbini hanya menggunakan ungkapan awal waktu bagi menyatakan waktu fadhilah namun tiada menjelaskan bila berakhirnya waktu tersebut. Bagi solat Isyak pula, tiada disebut bila berakhirnya waktu fadhilah Isyak. Kriteria waktu fadhilah subuh juga tidak disebut di dalam kitab al-Iqna'. Imam Al-Syarbini (2013) hanya menggunakan perkataan “awal waktu” bagi menyatakan waktu fadhilah subuh.

Waktu Ikhtiar

Waktu kedua yang disebut di dalam kitab al-Iqna' merupakan waktu ikhtiar. Bagi solat Zuhur, waktu ikhtiar bermula setelah berakhir waktu fadhilah iaitu ketika panjang sesuatu bersamaan $\frac{1}{4}$ dari panjang objek bercampur istiwa sehingga panjang bayangan menjadi separuh atau $\frac{1}{2}$ bercampur bayang istiwa. Bagi solat Asar pula, permulaan waktu ikhtiar Asar tiada disebut, namun akhir waktu ikhtiar Asar adalah apabila bayang sesuatu menjadi dua kali panjang objek bercampur panjang bayang istiwa. Waktu ikhtiar Maghrib tiada disebut di dalam kitab ini. Permulaan waktu ikhtiar Isyak juga tiada disebut di dalam kitab Iqna', namun ia berakhir setelah sepertiga malam. Ada juga pendapat lain yang menyatakan bahawa waktu ikhtiar Isyak berakhir pada tengah malam atau satu perdua daripada keseluruhan waktu malam. Ini berdasarkan hadis di mana Nabi (SAW) bersabda:

“Andai kata aku tidak bimbang memberatkan umat ku, maka aku akhirnya Isyak sampai tengah malam.”
(Hadis At-Tirmizi, Hadis nombor 167)

Namun Imam Al-Syarbini menyatakan bahawa pendapat yang kuat adalah yang pertama iaitu sepertiga malam. Bagi waktu subuh, waktu ikhtiar dinyatakan bermula dari awal waktu subuh dan berakhir pada ketika “sampai terang”, namun tiada dinyatakan kriteria untuk menyukat sejauh mana terang yang dimaksudkan.

Waktu Jawaz

Pembahagian ketiga yang dinyatakan di dalam kitab al-Iqna' ialah waktu jawaz. Mendirikan solat pada waktu ini kurang afdal berbanding waktu ikhtiar. Bagi solat Zuhur, waktu jawaz bermula setelah berakhirnya waktu ikhtiar Zuhur iaitu bayang sesuatu menjadi $\frac{1}{2}$ panjang objek dicampurkan bayang istiwa sehinggalah masuknya waktu Asar. Begitu juga solat Asar, waktu jawaz Asar bermula setelah berakhirnya waktu ikhtiar Asar iaitu panjang bayang sesuatu menjadi dua kali panjang objek dicampurkan bayang istiwa sehingga masuk waktu Maghrib, namun terdapat juga pandangan yang mengatakan waktu jawaz Asar berakhir apabila matahari mula menguning (al-Banjari, 2019). Permulaan waktu jawaz Maghrib dan juga Isyak tiada dinyatakan, namun ia berakhir setelah masuknya waktu Isyak dan juga terbitnya syafak kedua bagi waktu jawaz subuh.

Jadual 1: Pembahagian waktu solat menurut kitab Iqna'

Jenis waktu	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Subuh
Waktu <i>fadhilah</i> (<i>afdal</i> <i>didirikan solat pada waktu ini</i>)	Awal waktu pada waktu <i>zawal</i> sehingga tergelincir matahari ke langit barat pada pandangan manusia (zahir, bukan waqi'). Boleh dikesan melalui penambahan panjang bayang-bayang objek daripada bayang-bayang semasa istiwa', atau apabila muncul kembali bayang-bayang pada hari yang waktu istiwa' tiada bayang- bayang. Dari awal waktu hingga bayang-bayang objek menjadi satu perempat panjang objek.	Awal waktu sehingga apabila panjang bayang-bayang objek mula melebihi panjang objek ditambah dengan bayang-bayang semasa istiwa'.	Awal waktu sehingga terbenam	Awal waktu sehingga hilang shafaq merah	Awal waktu sehingga terbit fajar kedua (fajar sadik)
Waktu <i>ikhtiar</i> - pilihan (<i>harus didirikan pada waktu ini, lebih afdal berbanding waktu jawaz</i>)	Awal hingga akhir waktu Waktu <i>ikhtiar</i> (pilihan) iaitu saat bayang-bayang objek menjadi separuh panjang objek.	Awal hingga bayang-bayang objek menjadi dua kali ganda panjang objek.	Awal waktu	Antara hilang shafaq merah hingga sepertiga malam	Antara awal waktu hingga waktu isfar
Waktu <i>jawaz</i> (<i>harus didirikan; selepas waktu ikhtiar</i>)	Waktu <i>jawaz</i> (harus) hingga akhir waktu	Waktu <i>jawaz</i> (harus) hingga akhir waktu – seluruh cakera matahari terbenam.	Hingga akhir waktu	Hingga terbit fajar kedua (sodik)	Hingga terbit sebahagian matahari di ufuk.
Waktu uzur	Waktu jamak dengan Asar pada waktu Asar	Waktu jamak dengan Zuhur pada waktu Zuhur	Waktu jamak dengan Isyak pada waktu Isyak	Waktu jamak dengan Maghrib pada waktu Maghrib	Tiada

Waktu Uzur

Waktu keempat yang dinyatakan di dalam kitab *Iqna* ialah waktu uzur. Waktu ini merupakan waktu di mana solat jamak didirikan. Waktu uzur Zuhur, ada ketika mendirikan solat Zuhur pada waktu Asar, begitu juga dengan waktu uzur Asar ialah ketika mendirikan solat Asar pada waktu Zuhur. Waktu uzur Maghrib pula ialah ketika mendirikan solat Maghrib pada waktu isyak dan waktu uzur Isyak ialah ketika mendirikan solat Isyak pada waktu Maghrib. Disebabkan waktu uzur ini hanya bagi solat jamak, maka tiada waktu uzur bagi solat subuh.

Waktu Haram

Waktu kelima yang dinyatakan di dalam kitab *al-Iqna* ialah waktu haram. Waktu ini adalah bila mana solat didirikan setelah tamatnya waktu solat tersebut. Bagi solat Zuhur, waktu haram adalah setelah masuknya waktu Asar, bagi solat Asar, waktu haram adalah setelah masuknya waktu Maghrib dan begitulah seterusnya sehingga waktu subuh di mana waktu haram adalah setelah terbitnya matahari dari ufuk. Menurut Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari (2019), dinamakan waktu ini sebagai waktu haram, kerana menunda solat dengan sengaja tanpa sebarang sebab sehingga habis waktu solat tersebut adalah haram hukumnya.

Waktu Darurah

Waktu darurah ada terdapat pada setiap waktu solat, namun Imam al-Syarbini tiada menjelaskan maksud waktu darurah di dalam kitab *al-Iqna*. Waktu darurat disebut sebagai hilang mani' (penghalang) dan segala yang menghalang selagi dalam waktu (*al-Banjari, 2019*). Dengan kata lain, waktu darurah ialah waktu di mana seseorang mukalaf terhalang daripada melaksanakan solat seperti waktu gila atau waktu haid/nifas.

Waktu Makruh

Imam Al-Syarbini tidak meletakkan waktu makruh pada solat Zuhur, dan hanya menyatakan waktu makruh pada solat Asar dan subuh tanpa menjelaskan garis panduan waktu tersebut. Perincian hanya diberi pada solat Maghrib dan Isyak. Waktu makruh Maghrib disebut di dalam kitab *al-Iqna* pada akhir waktu Maghrib dan solat Isyak pada waktu di antara fajar kazib dan sadik.

Waktu Qada'

Waktu terakhir yang terdapat di dalam kitab *al-Iqna* ialah waktu qada'. Namun ia hanya disebut pada solat Asar dan tiada langsung disebut pada solat-solat yang lain. Waktu qada' Asar adalah bagi mereka yang bertakbiratul ihram pada waktu solat dan kemudian dengan sengaja membatalkannya. Imam al-Syarbini menjelaskan kemudian bahawa pandangan ini merupakan pandangan yang lemah.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam membincangkan perihal pembahagian waktu ini, Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari (2019) menulis di dalam kitab beliau *Sabilal Muhtadin*, waktu fadhilah, waktu jawaz, waktu haram dan waktu darurat berlaku di dalam semua waktu solat namun waktu uzur hanya berlaku pada waktu solat yang boleh dijamakkan jadi, bagi solat Subuh, tidak terdapat waktu uzur. Waktu ikhtiar pada solat Asar, Isyak dan Subuh bermula pada awal waktu bersamaan dengan waktu fadhilah, manakala waktu ikhtiar bagi solat Zuhur dan Maghrib adalah sama dengan waktu jawaz, iaitu setelah tamat waktu fadhilah, sehingga akhir waktu solat tersebut. Beliau menegaskan bahawa batasan waktu di mana waktu jawaz bermula setelah waktu fadhilah ini dirujuk dari kitab "*Matan dan Syamh Bafadhal*" karangan Sheikh Ibnu Hajar.

Dari segi ganjaran pahala, beliau juga menambah dengan merujuk kepada kitab "*Tuhfah*" bahawa mendirikan solat pada waktu fadhilah akan mendapat pahala yang lebih berbanding waktu lain, mendirikan solat pada waktu jawaz tiada mendapat pahala tambahan dan mendirikan solat pada waktu makruh adalah dicela. Ini bermakna mendirikan solat pada waktu ikhtiar akan mendapat pahala kurang berbanding waktu fadhilah, manakala mendirikan solat pada waktu haram akan mendapat dosa. Pendapat ini juga disokong oleh Sheikh Nawawi al-Bantani yang menyatakan bahawa mendirikan solat pada waktu fadhilah akan diberikan pahala yang besar berbanding pada waktu setelah waktu waktu fadhilah (*Bantani: 2011*). Dari segi terminologi waktu ikhtiar, terdapat perbezaan pendapat di mana menurut Ibrahim al-Bajuri, perkataan ikhtiar bermaksud masa yang dipilih untuk didirikan solat pada waktu tersebut, namun Ibnu Daqiq al-'Id menulis di dalam kitab beliau, *al-Iqlid* bahawa kenapa waktu tersebut di panggil waktu ikhtiar adalah kerana malaikat Jibril memilih untuk mendirikan solat pada waktu tersebut (*Li'zza et.al : 2024*)

Daripada lapan pembahagian waktu solat yang dinyatakan di dalam kitab *al-Iqna*, pengkaji mendapati tiga waktu yang terawal iaitu waktu fadhilah, waktu ikhtiar dan waktu jawaz merupakan pembahagian kepada waktu solat. Kriteria masa bagi waktu fadhilah juga dijelaskan secara terperinci dari segi syarat permulaan dan pengakhiran waktu tersebut. Waktu ikhtiar yang merupakan waktu kedua dalam pembahagian waktu solat, masih bermula pada awal waktu seperti mana waktu fadhilah, cuma berakhir kemudian selepas waktu fadhilah. Bagi waktu jawaz yang merupakan waktu ketiga tiada dinyatakan bilanya bermula waktu tersebut. Imam al-Syarbini hanya menyatakan kriteria berakhirnya waktu jawaz iaitu apabila masuknya waktu solat selepas itu, seperti contoh akhir waktu jawaz bagi solat Asar adalah apabila tenggelam seluruh cakera matahari iaitu apabila masuknya waktu Maghrib.

Lima waktu yang selebihnya pula, merupakan sifat kepada solat sekiranya didirikan pada waktu tersebut. Waktu uzur boleh disimpulkan sebagai waktu ketika seseorang mendirikan solat di luar waktu solat seperti contoh ketika solat jamak. Ketika seseorang mendirikan solat jamak takhir Zohor dan asar, bilamana didirikan solat Zohor pada waktu asar tersebut, waktu tersebut dikatakan sebagai waktu uzur. Waktu haram pula adalah apabila seseorang mendirikan solat setelah tamat waktu solat tersebut. Sebagai contoh, pada suatu hari, waktu Zohor berakhir pada pukul 4.20 petang dan seseorang mendirikan solat Zohor pada pukul 4.25 petang dan bukan kerana musafir. Sewaktu dia mendirikan solat tersebut, waktu itu dikatakan sebagai waktu haram. Waktu darurat pula adalah waktu ketika seseorang mukalaf terhalang dari melaksanakan solatnya kerana gila, haid atau nifas. Waktu makruh pula adalah apabila seseorang mendirikan solat pada akhir waktu, namun hanya dinyatakan untuk solat Maghrib dan Isyak.

Berbanding dengan kitab Matan Abi Shuja yang menjadi rujukan kepada kitab al-Iqna, kitab Matan Abi Shuja juga mengandungi tiga pembahagian kepada waktu solat. Namun, imam Abi Shuja tidak menggunakan terma waktu fadhilah, dan hanya menggunakan terma waktu awal. Waktu ikhtiar dan waktu jawaz ada disebut di dalam kitab tersebut, namun hanya pada waktu solat asar, isyak dan subuh (Abi Shuja:1996). Namun imam Abi Shuja tidak memberi garis panduan kepada tiga kategori waktu tadi dengan teliti sebagaimana imam al-Syarbini menghuraikan di dalam kitab beliau. Berbeza dengan kitab al-Umm, karangan imam al-Shafie, beliau sangat sedikit membicarakan tentang pembahagian waktu solat. Di dalam kitab al-Umm, hanya waktu ikhtiar ada disebut dan hanya pada waktu asar (Al-Shafie:2014). Imam al-Shafie juga tiada langsung membicarakan tentang kategori waktu solat dan beliau hanya memberi garis panduan bila seeloknya mendirikan solat, berdasarkan situasi semasa, seperti contoh, ketika waktu panas untuk solat Zohor.

Kajian tentang pembahagian waktu solat ada juga dijalankan oleh Li'izza et. al (2024), namun beliau hanya memfokuskan kepada solat Asar. Di dalam kajian beliau, waktu fadhilah bagi solat asar bermula pada awal waktu asar seperti mana yang digariskan di dalam kitab al-Iqna. Namun kriteria waktu ikhtiar agak berbeza di mana menurut kitab al-Iqna, waktu ini bermula pada awal waktu seperti waktu fadhilah dan berakhir apabila panjang bayang menjadi dua kali ganda. Li'izza et.al menggariskan waktu ikhtiar solat asar bermula bila panjang bayang menjadi $\frac{3}{2}$ dari panjang asal bayang dan berakhir sama seperti al-Iqna iaitu apabila panjang bayang dua kali ganda. Kajian beliau juga berbeza dengan kitab al-Iqna di mana beliau menggariskan dua waktu jawaz Asar kepada jawaz yang tidak makruh dan jawaz makruh. Jawaz tidak makruh bermula apabila panjang bayang matahari menjadi dua kali ganda dan jawaz makruh bermula apabila matahari berwarna kekuningan.

Dari segi garis panduan yang digunakan di dalam kitab Iqna', kriteria bayang yang di gunakan sesuai untuk diimplementasikan di semua tempat dan ketika. Ini kerana pengkaji telah mengambil kira kecondongan bumi dan perubahannya dalam pergerakan bumi mengelilingi matahari dalam setahun. Justeru, pengkaji telah menambah kriteria tambahan iaitu panjang bayang istiwā' dalam setiap garis panduan yang menggunakan panjang bayang. Ini selari dengan kriteria waktu solat Zohor dan Asar yang diguna pakai di Malaysia (Baharrudin et.al, 2003). Panjang bayang istiwā' merupakan panjang tambahan yang di sebabkan oleh kecondongan bumi dan pergerakan bumi dalam setahun. Dalam setahun, panjang istiwā' ini berubah ubah berdasarkan kedudukan bumi relatif dari matahari. Di Malaysia dan juga negara-negara di bawah laluan matahari, terdapat dua hari di dalam setahun, panjang bayang istiwā' tidak kelihatan. Hari tersebut di panggil "solstis" atau hari tanpa bayang.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, analisis terperinci mengenai pembahagian waktu solat seperti yang dijelaskan dalam al-Iqna' Fi Hal al-Alfāz Abi Shuja' yang dikarang oleh al-Khatib Al-Syarbini menyediakan kerangka komprehensif untuk memahami perincian pembahagian waktu solat menurut kaedah mazhab Shafie. Penemuan ini mendedahkan lapan kategori pembahagian waktu solat yang berbeza, iaitu waktu Fadhilah, yang merupakan waktu paling afdal untuk mendirikan solat, waktu ikhtiar, waktu jawaz, waktu uzur, waktu haram, waktu darurat, waktu makruh dan akhir sekali, waktu Qada', yang merupakan sifat waktu ketika mendirikan solat yang terlepas. Setiap bahagian waktu solat ini, bertujuan untuk membimbing orang yang beriman dalam mematuhi masa-masa yang ditetapkan untuk solat, memastikan pengisian rohani dan selari dengan perintah Ilahi. Bagaimanapun, kajian ini juga menampilkan cabaran dalam amalan kontemporari, terutamanya berkaitan penentuan waktu solat dalam masyarakat moden yang terikat dengan piawaian masa 24 jam. Dengan kebergantungan yang tinggi umat Islam pada sistem masa piawai, pengharmonian kaedah waktu tradisional yang kualitatif kepada kaedah piawaian masa perlu dijalankan. Walau bagaimanapun, penerokaan ilmiah ini masih mengutamakan kepentingan kaedah fiqh dalam menangani cabaran amalan agama kontemporari. Dengan pengharmonian kaedah tradisional dengan keperluan moden, umat Islam boleh meneruskan gaya hidup moden sambil menegakkan kesucian ajaran Islam. Dengan itu, al-Iqna' menjadi sumber yang berharga untuk memperkayakan kefahaman tentang pembahagian waktu solat dalam memupuk hubungan yang lebih mendalam dengan Ilahi, memastikan hakikat solat kekal kukuh dalam kehidupan penganut sepanjang generasi sebagaimana yang diingatkan dalam hadis dari Uqbah bin Amir Ra. bahawa Nabi SAW. bersabda: "Umat ku selalu berada dalam kebaikan atau dalam fitrah selama tidak terlambat melakukan solat Maghrib, iaitu sampai muncul bintang." (HR. Ahmad, Abu Daud dan Al-Hakim dalam Al-Mustadrak).

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang membantu kelancaran kajian dan penulisan artikel ini.

KONFLIK KECENDERUNGAN

Pengkaji ingin menjelaskan bahawa tiada sebarang kecenderungan kewangan atau bukan kewangan yang mungkin berkaitan dengan pandangan politik, pendapat peribadi, atau hubungan/perkaitan profesional yang mungkin diinterpretasikan sebagai mempengaruhi penulisan artikel.

SUMBANGAN PENULIS

Mohd Zahid Ridzuan bin Mohd Zulkifly - (Analisis Data, Data and Penulisan)

Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham - (Manuscript translation, Review and Editing)

Mansor bin Sulaiman - (Manuscript translation, Review and Editing)

RUJUKAN

- Abi Syuja, Ahmad bin Al-Husain bin Ahmad Al-Ashfahani. (1996). *Matan Ghayah wa Taqrib (Matan Abi Syuja)*. Dar Al-Masyari Publications.
- Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'at bin Ishaq bin Bashir bin Shadad bin 'Amru al-Azdi al-Sijistani. (2009). *Sunan Abi Dawud. Ed. Shu'aib Al-Arna'ut, Amman*. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Abu Isa Muhammad ibn Isa as-Sulami at-Tirmizi. (2007). *Sunan at-Tarmizi, Hafiz Abu Eisa At-Tirmizi*. Darussalam Publications.
- Al-Banjari, Syeikh Muhammad Arsyad. (2019). *Sabilal Muhtadin*. Perniagaan Jahabersa.
- Al-Shafie, Muhammad bin Idris Al-Shafie. (2014). *Al-Umm, Jilid 2 Tahqiq & Takhrij: Dr-Rifat Fauai Abdul Muththalib*. Pustaka Azzam.
- Al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad. (2013). *Al-Iqna' Fi Hal al-Alfaz Abi Shuja'*. Perniagaan Jahabersa.
- Amalia, R. (2024). Formulation of Fa'ilah, Ikhtiyar, and Jawaz Times of Asr Prayer of Fiqh and Science Perspectives. *KnE Social Sciences*, 302-320.
- Bantani, M. N. (2011). *Kasyifah al-Syaja 'ala Safinah al-Naja fii Ushul al-Din wal al-Fiqh*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Creswell, J. W. (1994). *Research design: Qualitative, quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Fauzan, I., & Aenina, S. (2019). Dilematika shalat fardhu di awal waktu. *At-Ta'wil: Jurnal Pengkajian al-Qur'an dan at-Turats*. 1(2): 95-112.
- Hisham, A. I. I. (2019). *Jasad-jasadi Samawi dalam Al-Kutub Al-Sittah: Ke arah pembangunan modul pembelajaran astronomi Islam*. PhD Thesis. Malaysia: University of Malaya.
- Holton, G. (1975). On the role of the metaphysics in scientific thought. *Science, New Series*. 188(4186), 328-334.
- Luqman, T. (2020). Mana lebih utama, solat awal waktu sendiri atau lewat tapi berjemaah? *Al Kafi li al-Fatawi*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3957-al-kafi-1512-mana-lebih-utama-solat-awal-waktu-sendirian-atau-lewat-tapi-berjemaah>. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Marzuki, M. K., Abd Rahman, M. M., & Ismail, A. (2018). Sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: kajian di uim kelantan kampus kota baru. *Albasirah Journal*, 8(2), 11-22.
- Niri, M. A., Wahab, R. A., Nawawi, M. S. A. M., & Nayan, A. R. (2019). Perspektif Integrasi Ilmu Terhadap Isu Menentukan Awal Waktu Solat Subuh: The Knowledge Integration Perspective on the Issue of Determining the Time for the Beginning of Fajr Prayer. *Jurnal Fiqh*, 16(2), 253-288.
- Rozikin, M. R. (2018). Mengenal al-Iqna', Syarah Matan Abu Syuja' Karya Al-Khothib Al-Syarbini. <https://irtaqi.net/2018/03/17/mengenal-al-Iqna'-syarah-matan-abu-syuja-karya-al-khothib-al-syirbini>. Pondok Pesantren Irtaqi.
- Siti, N. B. C. H. (2020). Hikmah solat awal waktu. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/11/644853/hikmah-solat-awal-waktu>. Harian Metro.
- Subari, M. D., & Awang, M. S. C. (2011). *Waktu Solat Setempat: Satu Pemurnian kepada Waktu Solat Berasaskan Zon*. Working paper presented at Persidangan Muzakarah Falak.
- Solat, D. I. O. M. W. (2019). Pembangunan inovasi my waktu solat. *International Journal*, 2(9), 92-98.
- Zainal, B., Shahrin, A., Hisham, A.I.I., Rashid, A.T.A. (2018). Modul Kokurikulum Falak: Jabatan Mufti Negeri Pahang.
- Zainal, B. (2006). Peluang-peluang Penyelidikan Kualitatif dalam Ilmu Falak. In Seminar Penghayatan Ilmu Falak. 2006.
- Zainal, B. (2003). Ilmu Falak Teori, Praktek dan Hitungan. Kolej Uagama Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu.